



NEGERI SABAH

[No. Bil:JKM.CC. 102/135/(25)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/1990

PINDAAN KADAR BAYARAN SEWA HOTEL DAN ELAUN MAKAN

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk meminda kadar bayaran maksimum sewa hotel dan elaun makan di dalam perenggan 1.1.1, 1.1.2 dan 1.1.3, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1982.

2. KADAR BARU DAN SYARAT BAYARAN

- 2.1. Kadar baru bayaran maksimum sewa hotel dan elaun makan adalah seperti ditetapkan dalam Lampiran A.
- 2.2. Syarat-syarat bayaran adalah ditetapkan dalam Perintah Am Negeri Sabah 4 dan Perintah Am Negeri Sabah 6, Bahagian B.

3. TARIKH KUATKUASA

- 3.1. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah bertkuasa mulai I Januari 1990.

4. PEMAKAIAN

- 4.1. Pindaan kadar bayaran sewa hotel dan elaun ini hanyalah dipakai bagi pegawai-pegawai yang bertugas rasmi dalam negeri, iaitu Sabah Sarawak, Semenanjung Malaysia, Selatan Thailand, Kalimantan, Singapura dan Borneo.
- 4.2. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah jup dipanjangkan kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Badan-badan Berkanun dan K -kuasa Tempatan.

5. AM

- 5.1. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka perenggan 1.1.1, 1.1.2 dan 1.1.3 di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1982 adalah diubahsuai.
- 5.2. Kadar bayaran elaun lojing seperti terdapat di dalam perenggan 1.1.1, 1.1.2 dan 1.1.3 tersebut hendaklah dikekalkan dan tidak berubah.
- 5.3. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diperolehi daripada Bahagian Gaji, Elaun dan Pencen, Pejabat Perjawatan Negeri, Jabatan Ketua Menteri.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

(DATUK S. SIPAUN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

JABATAN KETUA MENTERI.
88502 KOTA KINABALU.

Tarikh: 6 Oktober 1990

s.k. Bendahari Negeri,
Perbendaharaan,
88595 KOTA KINABALU.

Pengarah Audit
Jabatan Audit,
889900 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Jabatan Negeri

Sernua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri

PINDAAN KADAR BAYARAN SEWA HOTEL DAN ELAUN MAKAN

KUMPULAN	Sabah dan Sarawak		Semenanjung Malaysia, Selatan Thailand dan Kalimantan		Singapura dan Brunei	
	Bayaran Sewa Hotel	Elaun Makan	Bayaran Sewa Hotel	Elaun Makan	Bayaran sewa Hotel	Elaun Makan
KUMPULAN A						
Skel A4 dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	\$150.00	Sebenar (Standard Suite)	\$120.00	Sebenar (Standard Suite)	\$150.00
Skel A7 hingga A5	Sebenar (bilik bujang)	\$105.00	Sebenar (bilik Bujang)	\$ 90.00	Sebenar (bilik Bujang)	\$105.00
Skel A10 hingga A8	\$154.00	\$ 75.00	\$140.00	\$ 60.00	\$168.00	\$ 75.00
Tingkatan Kanan	\$113.00	\$ 60.00	\$126.00	\$ 45.00	\$140.00	\$ 60.00
Pegawai-pegawai lain	\$112.00	\$ 45.00	\$ 98.00	\$ 38.00	\$119.00	\$ 45.00
KUMPULAN B						
Tingkatan Kanan, Khas dan Tinggi	\$ 77.00	\$ 42.00	\$ 63.00	\$ 36.00	\$ 84.00	\$42.00
Pegawai-pegawai lain	\$ 63.00	\$ 39.00	\$ 56.00	\$ 33.00	\$ 70.00	\$ 39.00
KUMPULAN C						
Tingkatan Kanan, Khas dan Tinggi	\$53.00	\$36.00	\$ 50.00	\$ 30.00	\$ 63.00	\$ 36.00
Pegawai-pegawai lain	\$ 50.00	\$ 33.00	\$ 48.00	\$ 27.00	\$ 60.00	\$ 33.00
KUMPULAN D						
Tingkatan Kanan, Khas dan Tinggi	\$ 45.00	\$ 30.00	\$ 42.00	\$ 24.00	\$ 56.00	\$ 30.00
Pegawai-pegawai lain	\$ 42.00	\$ 27.00	\$ 36.00	\$ 21.00	\$ 49.00	\$ 27.00